

3756/1
 PRINSIP
 PERAKAUNAN
 KERTAS 1
 OKTOBER 2023
 1 JAM 15 MINIT

NO KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Nama Pelajar :

Tingkatan :



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
 (CAWANGAN KELANTAN)

MODUL KOLEKSI ITEM
 PERCUBAAN SPM
 2023

PRINSIP PERAKAUNAN
 KERTAS 1
 MASA : SATU JAM LIMA BELAS MINIT

ARAHAN:

1. Modul ini mengandungi **40 soalan**
2. Jawab **Semua** soalan
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah di buat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik

Kertas ini mengandungi **19** halaman bercetak

1. Pernyataan mana menerangkan ciri-ciri yang betul bagi Butik Pakaian Aina dan Aini

- A. Liabiliti tidak terhad
- B. Bilangan minimum ahli 50 orang
- C. Keuntungan diagihkan dalam bentuk dividen
- D. Sumber modal adalah dari subsidi Kerajaan

2. Apakah ciri kepimpinan yang perlu ada pada diri seorang akauntan

- I. Kebolehfahaman
- II. Akauntabiliti
- III. Kerelevanan
- IV. Kredibiliti

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan III
- D. II dan IV

3. Butiran manakah merupakan liabiliti semasa perniagaan?

- A. Sewa Prabayar
- B. Akaun Belum Bayar
- C. Sewa Belum Terima
- D. Akaun Belum Terima


4. Maklumat berikut merupakan urusaniaga yang diambil daripada Kedai Elektrik Lee.

Membayar hutang kepada Syarikat Elec Sdn Berhad RM 8 200 dengan cek dan menerima diskaun RM 200

Apakah kesan urusaniaga tersebut terhadap persamaan perakaunan ?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Bertambah RM 8 200	Bertambah RM 8 400	Berkurang RM 200
B	Bertambah RM 8 000	Berkurang RM 8 200	Berkurang RM 200
C	Berkurang RM 8 200	Berkurang RM 8 400	Bertambah RM 200
D	Berkurang RM 8 000	Berkurang RM 8 200	Bertambah RM 200

5. Rajah dibawah menunjukkan fungsi dokumen X



Apakan dokumen X

- A Resit
- B Nota kredit
- C Penyata akaun
- D Makluman Debit

6. Perbualan yang berikut berlaku diantara En Hadi dengan En Saifullah mengenai satu urusanniaga yang berlaku di dalam Syarikat.

En Hadi: En Saifullah, invois yang Syarikat awak hantar semalam telah terkurang caj
 En Saifullah: Ya ke? Ok Encik Hadi nanti saya akan hantar satu dokumen untuk menambahkan jumlah bayaran yang terkurang caj dalam invois tersebut.

Apakah dokumen yang akan dihantar oleh En Saifullah ?

- A Makluman Debit
- B Memo
- C Nota Debit
- D Nota Kredit

7. Antara yangt berikut ,urusanniaga manakah yang akan direkodkan kedalam Jurnal Khas ?

- I Jual barang niaga secara kredit
 - II Pelanggan memulangkan barang niaga yang rosak
 - III Mengambil inventori barang niaga untuk kegunaan pelanggan
 - IV Membeli barang niaga dengan cek
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

8. Antara berikut, manakah yang dikategorikan akaun nyata?

- A. Akaun Kadar Bayaran
- B. Akaun Pulangan Jualan
- C. Akaun Komisen Diterima
- D. Akaun Alatan Pejabat

9. Berikut adalah catatan Jurnal Am yang diambil dari Butik Pakaian Faeeq

Jurnal Am		Debit	Kredit
Tarikh	Butir	RM	RM
2023 Okt 15	Perabot Modal (Pemilik membawa masuk almari untuk kegunaan perniagaan)	4 500	4 500

Apakah catatan yang perlu direkodkan dalam lejar pada tarikh tersebut?

A.

Akaun Perabot			
2023		RM	
Okt 15	Modal	4 500	

Akaun Modal			
	2023		RM
	Okt 15	Perabot	4 500

B.

Akaun Perabot			
	2023		RM
	Okt 15	Modal	4 500

Akaun Modal			
2023		RM	
Okt 15	Perabot	4 500	

C.

Akaun Perabot			
	2023		RM
	Okt 15	Perabot	4 500

Akaun Modal			
2023		RM	
Okt 15	Modal	4 500	

D.

Akaun Perabot			
2023		RM	
Okt 15	Perabot	4 500	

Akaun Modal			
	2023		RM
	Okt 15	Modal	4 500

10. Maklumat berikut adalah Akaun Kawalan Belum Bayar bagi Kedai Aksesori Kereta Aileen

Akaun Kawalan Belum Bayar

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	RM
2023			2023		
Sept 30	Pulangan belian	240	Sept 1	Baki b/b	1 270
	Bank	8 000			
	Diskaun diterima	330			

Berapakah baki pada 1 Oktober 2023 jika jumlah Jurnal Belian RM 8200?

- A. Debit RM 900
- B. Kredit RM 900
- C. Debit RM 7 300
- D. Kredit RM 7 300

11. Petikan Imbangan Duga manakah yang menunjukkan catatan yang betul?
Imbangan Duga pada 31 Disember 2023

A.

Butir	Debit	Kredit
Angkutan Keluar		260
Modal		30 000
Ambilan	2 200	

B.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2023

Butir	Debit	Kredit
Angkutan Keluar		260
Modal	30 000	
Ambilan		2 200

C.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2023

Butir	Debit	Kredit
Angkutan Keluar	260	
Modal	30 000	
Ambilan		2 200

D.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2023

Butir	Debit	Kredit
Angkutan Keluar	260	
Modal		30 000
Ambilan	2 200	

12. Apakah butiran yang tidak terdapat di dalam Imbangan Duga

- A. Inventori Awal
- B. Inventori Akhir
- C. Pinjaman Bank
- D. Bank (Overdraf)

13. Apakah kesan nilai inventori akhir rendah ke atas kos jualan dan untung kasar?

	Kos jualan	Untung kasar
A.	Tinggi	Rendah
B.	Rendah	Tinggi
C.	Rendah	Rendah
D.	Tinggi	Tinggi

14. Urusniaga berikut diambil daripada Perniagaan Zainab.

Pada 1 Julai 2023, Perniagaan Zainab telah menyewakan sebahagian kedainya kepada Kedai Tanzalia dengan kadar sewa RM600 sebulan. Pada 31 Mac 2024, jumlah sewa yang diterima ialah RM 6 000.

Catatan pelarasan yang manakah betul dalam Jurnal Am ?

A. Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2024		RM	RM
Mac 31	Sewa	600	
	Sewa Belum Terima		600

B. Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2024		RM	RM
Mac 31	Sewa Belum Terima	600	
	Sewa		600

C. Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2024		RM	RM
Mac 31	Sewa	600	
	Sewa Belum Terperoleh		600

D. Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2024		RM	RM
Mac 31	Sewa Belum Terperoleh	600	
	Sewa		600

15. Maklumat berikut diperolehi daripada sebuah Syarikat di Malaysia

Sebuah kenderaan telah dibeli pada 1 Oktober 2023 dengan harga RM80 000. Kenderaan ini disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah garis lurus. Tahun kewangan Syarikat berakhir pada 31 Mac setiap tahun.

Hitungkan susut nilai bagi tahun berakhir 31 Mac 2024 dan 2025

	31 Mac 2024	31 Mac 2025
A.	RM8 000	RM7 200
B.	RM4 000	RM7 600
C.	RM4 000	RM8 000
D.	RM8 000	RM16 000

16. Maklumat dibawah diperolehi daripada buku Kedai Alia pada 31 Disember 2023

Mesin (kos)	40 000	
Susut nilai terkumpul mesin		8 000

Mesin tersebut dijual pada harga RM31 600 pada 31 Disember 2023

Berapakah untung atau rugi mesin tersebut?

- A. Rugi pelupusan RM400
- B. Untung Pelupusan RM400
- C. Rugi Pelupusan RM600
- D. Untung Pelupusan RM600

17 . Membayar promosi RM700 dengan tunai telah tersilap rekod dalam Jurnal Am.

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2023			
Sept 30	Tunai	700	
	Promosi		700

Bagaimanakah kesilapan ini dibetulkan dalam Lejar

A.

Akaun Tunai			
2023		RM	
Sept 30	Promosi	700	

Akaun Promosi			
		2023	RM
		Sept 30	Promosi 700

B.

Akaun Tunai			
2023		RM	
Sept 30	Promosi	700	

Akaun Promosi			
		2023	RM
		Sept 30	Tunai 700

C.

Akaun Tunai			
2023		RM	
Sept 30	Promosi	1 400	

Akaun Promosi			
		2023	RM
		Sept 30	Promosi 1 400

D.

Akaun Tunai			
		2023	RM
		Sept 30	Promosi 1 400

Akaun Promosi			
2023		RM	
Sept 30	Tunai	1 400	

18. Maklumat berikut berkaitan dengan nisbah kecairan dua buah perniagaan dalam industri yang sama.

Analisis nisbah	Adriana Enterprise	Nawfal Enterprise
Nisbah semasa	2.78 :1	3.46 : 1

Yang manakah antara berikut menggambarkan tafsiran tepat tentang kedua-dua perniagaan tersebut

- Kemampuan Nawfal Enterprise membayar hutang jangka pendek lebih baik berbanding Adriana Enterprise.
- Kemampuan Adriana Enterprise membayar hutang jangka pendek lebih baik berbanding Nawfal Enterprise.
- Keupayaan Nawfal Enterprise membayar hutang serta-merta lebih baik berbanding Adriana Enterprise.
- Keupayaan Adriana Enterprise membayar hutang serta merta lebih baik berbanding Nawfal Enterprise.

19. Pasangan manakah benar tentang nisbah dan kegunaannya

	Nisbah	Kegunaan
A	Tokokan	Mengetahui kecekapan pengurusan inventori
B	Nisbah Semasa	Mengukur tahap kecairan
C	Pulangan Atas Modal	Mengetahui prestasi pengurusan perniagaan
D	Tempoh Kutipan Hutang	Mengetahui kedudukan kewangan perniagaan

20. Perniagaan Aireen tidak menyediakan akaun perniagaan dengan lengkap.

Berikut adalah maklumat yang diperolehi:

	1 Oktober 2022	30 September 2023
	RM	RM
Modal	41 500	48 600

Maklumat tambahan:

- (i) Ambilan barang niaga sebanyak RM 250 sebulan
- (ii) Pemilik membawa masuk komputer peribadi bernilai RM 2 500 untuk perniagaan

Hitungkan untung atau rugi Perniagaan Aireen pada 30 September 2023

- A. Untung RM 7 600
- B. Untung RM 5 000
- C. Rugi RM 7 600
- D. Rugi RM 5 000

21. Pada 1 Januari 2023 Premis Perniagaan Dobi Alia telah mengalami kebakaran, menyebabkan sebahagian dari rekod-rekod perakaunan telah musnah. Apakah kaedah yang digunakan dalam penentuan pendapatan bagi Perniagaan Dobi Alia
- A. Kaedah Garis lurus
 - B. Kaedah Perbandingan
 - C. Kaedah Margin Caruman
 - D. Kaedah Baki Bekurangan

22. Situasi manakah menunjukkan peniagaan tidak merekod urusan niaga dengan lengkap?
- A. Perniagaan Butik Haqim merekod ambilan barang niaga ke dalam akaun ambilan Sahaja
 - B. Kedai Dobi Amin merekod bayaran bil elektrik secara tunai kedalam akaun utiliti dan akaun tunai
 - C. NZ Trading merekod belian kredit kedalam jurnal belian dan memindahkan ke akaun belian
 - D. Restoran Zara merekod belian perabot dengan cek ke akaun perabot dan akaun bank

23. Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Puan Farisah, beliau ingin mengetahui untung bersih perniagaannya.

	RM
Aset Bukan Semasa	12 035
Aset Semasa	46 800
Modal Awal	11 790
Ambilan	500
Modal Kerja	10 840

Berapakah nilai untung bersih perniagaan tersebut?

- A. RM 46 350
- B. RM 11 585
- C. RM 68 930
- D. RM 34 165

24. Situasi berikut berlaku dalam Akaun Untung Rugi.

Belanja < Hasil

Kesan situasi tersebut akan menyebabkan perniagaan memperoleh :

- A. Untung kasar
- B. Untung bersih
- C. Rugi kasar
- D. Rugi bersih

25. Maklumat berikut merupakan formula mengira susut nilai aset yang digunakan oleh Karisma Trading.

$$\text{Susut Nilai} = \text{Baki Awal Aset} + \text{Belian Aset Baharu} - \text{Baki Akhir Aset}$$

- A. Baki berkurangan
- B. Ansuran Tetap
- C. Penilaian Semula
- D. Garis Lurus

26. Peniaga Darwisy telah mencatatkan komisen diterima sebanyak RM850 dengan betul dalam Buku Tunai, tetapi tersalah catat sebagai RM580 dalam Akaun Komisen. Apakah jenis kesilapan yang telah berlaku ?

- A. Kesilapan pengiraan
- B. Kesilapan saling mengimbangi
- C. Kesilapan catatan amaun
- D. Kesilapan songsang

27. Penerimaan tunai RM980 daripada Abdullah telah dikreditkan dalam Akaun Tunai dan Akaun Abdullah. Apakah kesan kesilapan tersebut ke atas Imbangan Duga?

- A. Sebelah debit berkurang RM1 960
- B. Sebelah kredit berkurang RM1 960
- C. Sebelah debit berkurang RM980
- D. Sebelah kredit berkurang RM980

28. Pernyataan manakah yang bukan ciri kawalan tunai ?

- A. Lebihan tunai mesti dibankkan pada hari yang sama
- B. Pekerja yang sama perlu mengendalikan dan merekodkan urusan tunai
- C. Semua urusan penerimaan dan pembayaran tunai disokong dengan dokumen
- D. Tunai yang berlebihan dilaburkan untuk mendapatkan pulangan

29. Apakah penyata bank ?

- A. Penyata yang menunjukkan kesilapan catatan dalam buku tunai peniaga
- B. Penyata yang menyesuaikan baki dibuku tunai dengan baki di penyata bank
- C. Penyata yang merekodkan segala urusan dengan cek
- D. Penyata yang menunjukkan ringkasan akaun semasa tentang urusan di bank dalam tempoh sebulan

30. Penyata Penyesuaian Bank berikut diperolehi daripada sebuah perniagaan.

Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2023		
	RM	RM
Baki kredit di Penyata Bank		15 250
<i>Tambah</i> : Deposit Belum Dikreditkan	3 500	
Caj Bank	250	
P	950	4 700
		19 950

Apakah item **P**?

- A. Pindahan kredit
- B. Faedah atas Overdraf
- C. Faedah atas Simpanan
- D. Cek Belum Dikemukakan

31. Pilih padanan yang tepat

	Situasi	Prestasi Perniagaan
I	Lebih dalam belanjawan melebihi lebihan sebenar	Tidak Memuaskan
II	Penerimaan sebenar melebihi penerimaan dalam belanjawan	Memuaskan
III	Baki akhir sebenar melebihi baki akhir dalam belanjawan	Tidak Memuaskan
IV	Pembayaran sebenar melebihi pembayaran dalam belanjawan	Memuaskan

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

32. Antara berikut, manakah merupakan ciri milikan perkongsian.

	Aspek Perakaunan	Perkongsian
I	Bilangan Pemilik	Dimiliki 2 hingga 50 orang pekongsi
II	Modal	Modal disumbangkan oleh pekongsi
III	Untung atau Rugi	Untung atau rugi diagihkan antara pekongsi mengikut perjanjian
IV	Hayat Perniagaan	Perniagaan boleh diteruskan walaupun terdapat pekongsi yang meninggal/ diisytiharkan mufliis atas persetujuan bersama

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

33. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perkongsian Marwan pada 30 Jun 2023:

	RM	
Akaun Modal		
Marina	40 000	
Wan	30 000	
Akaun Semasa		
Marina	650	(debit)
Wan	2 250	

Catatan manakah tepat dalam Penyata Kedudukan Kewangan bahagian Ekuiti Pemilik pada 30 Jun 2023 ?

A.

	RM	RM
Ekuiti Pemilik		
Akaun Modal		
Marina	40 000	
Wan	<u>30 000</u>	70 000
Akaun Semasa		
Marina	650	
Wan	<u>2 250</u>	2 900

B.

	RM	RM
Ekuiti Pemilik		
Akaun Modal		
Marina	40 000	
Wan	<u>30 000</u>	70 000
Akaun Semasa		
Marina	(650)	
Wan	<u>2 250</u>	1 600

C.

	RM
Ekuiti Pemilik	
Akaun Modal	70 000
Akaun Semasa	2 900

D.

	RM
Ekuiti Pemilik	
Akaun Modal	70 000
Akaun Semasa	1 600

34. Apabila perkongsian dibubarkan, tatacara pembubaran perkongsian perlu dilakukan.

Antara berikut, susun langkah-langkah pembubaran yang betul.

- I. Menutup semua Akaun Aset kecuali Akaun Bank dan Akaun Tunai.
- II. Membatalkan nama perkongsian di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- III. Perkongsian membayar kepada pekongsi atau pekongsi membayar kepada perkongsian mengikut baki dalam Akaun Modal dan Akaun Semasa.
- IV. Menjelaskan semua lialibiti perniagaan.

- A. I, III, IV, II
- B. I, IV, III, II
- C. II, I, III, IV
- D. II, I, IV, III

35. Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Cekal Berhad.

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh
 1 000 000 unit 6% Syer Keutamaan RM2.00
 2 500 000 unit Syer Biasa RM1.00

Keuntungan syarikat untuk tiga tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut :

Tahun	Keuntungan
2021	150 000
2022	110 000
2023	160 000

Berapakah jumlah pembayaran dividen Syer Biasa bagi tiga tahun tersebut.

- A. 25 000
- B. 30 000
- C. 40 000
- D. 60 000

36. Pasangan manakah yang menunjukkan perbezaan antara syer biasa dengan syer keutamaan?

	Syer Biasa	Syer Keutamaan
I	Kadar Dividen tetap	Kadar Dividen tidak tetap
II	Pemegang syer tidak berhak mengundi	Pemegang syer berhak mengundi
III	Menerima Dividen terkemudian	Menerima Dividen terlebih dahulu
IV	Tiada tunggakan dividen	Ada tunggakan dividen

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

37. Antara berikut, yang manakah menerangkan tentang Yuran Tahunan

- A. Yuran yang dibayar oleh setiap ahli baharu
- B. Yuran yang dibayar oleh ahli pada setiap tahun
- C. Yuran yang diterima dalam tempoh perakaunan
- D. Yuran yang dikenakan kepada ahli dan juga orang ramai yang menyertai aktiviti pertandingan

38. Jadual dibawah menunjukkan jumlah kos pada tiga tingkat pengeluaran bagi satu produk.

Unit Pengeluaran	Jumlah Kos (RM)
8 000	40 000
15 000	61 000
22 000	82 000

Hitung kos tetap daripada data di atas.

- A. RM16 000
- B. RM24 000
- C. RM46 000
- D. RM66 000

39. Jumlah kos pengeluaran dari Akaun Pengeluaran akan dipindahkan ke

- A. Akaun Untung Rugi
- B. Akaun Perdagangan
- C. Penyata Kedudukan Kewangan
- D. Penyata Pengasingan Untung Rugi

40. Apabila seorang pengurus membuat analisis titik pulang modal, apakah maklumat yang akan diperoleh?

- A. Jumlah unit yang perlu dikeluarkan untuk memenuhi penawaran
- B. Jumlah jualan yang perlu dicapai untuk mendapat keuntungan
- C. Jumlah jualan yang diperlukan bagi menaikkan harga
- D. Jumlah unit pengeluaran bagi meminimumkan penggunaan mesin

KERTAS TAMAT